

APPENDIX XVI

Written Questions During The Public Dialogue For The EIA For The Proposed “Penambahan Kawasan Laut Seluas 400 Ekar Untuk Cadangan Pembangunan Bercampur-Campur, Kawasan Bandar XLVI, Daerah Melaka Tengah, Melaka Secara Penswastaan Untuk Yayasan Melaka”

No.	Question	Questioner Details	Response
1.	<p>Does the proposed reclamation benefit the people and increase the fishermen's economy?</p> <p><i>Adakah penambakan laut memberi manfaat kepada rakyat dan penambahan ekonomi nelayan?</i></p>		<p>The proposed reclamation is expected to provide a new additional land for the purpose of development and create employment opportunities which will benefit the local populace and generate higher income to the State.</p> <p><i>Cadangan penambakan ini dijangka dapat menyediakan tanah pesisir pantai baru bagi tujuan pembangunan dan mewujudkan peluang pekerjaan yang akan memberi manfaat kepada penduduk tempatan dan menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada Negeri Melaka.</i></p>
2.	<p>What about the mangrove ecosystems and what will happen to our search as fishermen such as mussel farms (which yield good returns) and <i>pukat hanyut</i>?</p> <p><i>Bagaimana pula ekosistem pantai paya bakau dan bagaimana pula hasil pencarian kami sebagai nelayan seperti ternakan kupang (yang memberi pulangan hasil baik) dan pukat hanyut?</i></p>	<p>Zakaria bin Limat Fisherman Pernu, Umbai</p>	<p>The mangrove ecosystems at the proposed project area will be destroyed or reduced once the project is implemented. This will affect fisheries resources since mangroves are an important fisheries habitat. Also lost would be the mussel farming activities located at the proposed project area. Those affected by these losses will however be compensated. Affected mussel farmers will be provided with the appropriate compensation. Installation of habitat enrichment infrastructure such as artificial reefs is also proposed as one of the mitigation measures in the EIA Report. However, the location of this artificial reef is subject to discussion with the Department of Fisheries.</p> <p><i>Ekosistem bakau di kawasan projek yang dicadangkan akan termusnah atau berkurangan sebaik sahaja projek dilaksanakan. Ini akan menjejaskan sumber perikanan kerana bakau merupakan habitat penting untuk perikanan. Selain itu, penternakan kupang yang terletak di kawasan projek yang dicadangkan juga akan termusnah. Mereka yang terjejas oleh kerugian ini bagaimanapun akan diberikan pampasan yang bersesuaian termasuklah penternak kupang yang terjejas. Pemasangan infrastruktur pengkayaan habitat seperti tukun tiruan juga dicadangkan sebagai salah satu langkah mitigasi di dalam Laporan EIA. Walaubagaimanapun, lokasi tukun tiruan ini adalah tertakluk kepada perbincangan dengan pihak Jabatan Perikanan.</i></p>

APPENDIX XVI

Written Questions During The Public Dialogue For The EIA For The Proposed “Penambakan Kawasan Laut Seluas 400 Ekar Untuk Cadangan Pembangunan Bercampur-Campur, Kawasan Bandar XLVI, Daerah Melaka Tengah, Melaka Secara Penswastaan Untuk Yayasan Melaka”

<p>3.</p>	<p>If the proposed reclamation is implemented, will we be adequately compensated to replace for the loss that we have to face?</p> <p><i>Sekiranya penambakan laut kawasan pantai kami berjalan, adakah kami diberi pampasan yang secukupnya bagi menggantikan hasil mata pencarian yang akan datang dan seterusnya?</i></p>		<p>Yes, compensation will be provided to those affected.</p> <p><i>Ya, pampasan akan diberikan kepada mereka yang terkesan dengan pelaksanaan projek ini.</i></p>
<p>4.</p>	<p>What is the need for the project, what are the benefits to the local fishermen?</p> <p><i>Apa perlunya, apa untungnya terhadap nelayan tempatan ini?</i></p>	<p align="center">Manap bin Abdullah Fishermen Kg. Bukit Gadong, Paya Dalam, Melaka</p>	<p>The proposed reclamation is needed in order to provide additional land for the purpose of development, create employment opportunities which will benefit the local populace and generate higher income to the State. It is important to understand that the economy of Melaka is generally very much dependant on development and tourism activities. The proposed project is expected to be able to assist in sustaining or maybe even improving the State’s economy. The proposed project is also expected to assist the project proponent i.e. Yayasan Melaka in getting funds for their <i>Tabung Pendidikan</i> which will be able to provide education financial assistance for the people in Melaka which includes the families of the fishermen. Yayasan Melaka is recommended to give priorities to the families of the fishermen in getting financial aid from their <i>Tabung Pendidikan</i>.</p> <p><i>Cadangan penambakan ini diperlukan bagi menyediakan tanah tambahan untuk tujuan pembangunan, mewujudkan peluang pekerjaan yang akan memberi manfaat kepada penduduk setempat dan menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk Negeri Melaka. Adalah penting untuk difahami bahawa ekonomi Negeri Melaka pada umumnya sangat bergantung kepada aktiviti pembangunan dan pelancongan. Projek yang dicadangkan ini dijangka dapat membantu mengekalkan atau mungkin meningkatkan ekonomi negeri. Projek ini juga dijangka mampu membantu penggerak projek iaitu Yayasan Melaka dalam mendapatkan dana untuk Tabung Pendidikan mereka yang berfungsi untuk menyediakan bantuan kewangan pendidikan untuk penduduk di Melaka termasuklah ahli keluarga para nelayan yang memerlukan. Yayasan Melaka disarankan untuk memberikan keutamaan kepada keluarga nelayan dalam mendapatkan bantuan kewangan daripada Tabung Pendidikan mereka.</i></p>

APPENDIX XVI

Written Questions During The Public Dialogue For The EIA For The Proposed “Penambahan Kawasan Laut Seluas 400 Ekar Untuk Cadangan Pembangunan Bercampur-Campur, Kawasan Bandar XLVI, Daerah Melaka Tengah, Melaka Secara Penswastaaan Untuk Yayasan Melaka”

5.	Who will get the benefit? <i>Siapa yang akan mendapat keuntungan?</i>		As explained above, the local populace and the State in general will get the benefit. <i>Sebagaimana dijelaskan di atas, penduduk tempatan dan Negeri Melaka pada umumnya akan mendapat faedah.</i>
6.	Why are we being forced to bear the permanent loss? <i>Kenapa umat bawahan ini dipaksa menanggung kerugian kekal?</i>		The proposed development is meant for the betterment of the local and the State in general. It is important to understand that the economy of Melaka is generally very much dependant on development and tourism activities. The proposed project is expected to be able to assist in sustaining or even improving the State’s economy. <i>Pembangunan yang dicadangkan ini adalah untuk kebaikan masyarakat setempat dan negeri secara umum. Adalah penting untuk kita fahami bahawa ekonomi Negeri Melaka pada umumnya sangat bergantung kepada aktiviti pembangunan dan pelancongan. Projek yang dicadangkan ini dijangka dapat membantu mengekalkan atau meningkatkan ekonomi negeri.</i>
7.	Who will be responsible in the afterlife? <i>Siapa akan menjawab di akhirat kelak?</i>		

APPENDIX XVI

Written Questions During The Public Dialogue For The EIA For The Proposed “Penambakan Kawasan Laut Seluas 400 Ekar Untuk Cadangan Pembangunan Bercampur-Campur, Kawasan Bandar XLVI, Daerah Melaka Tengah, Melaka Secara Penswastaan Untuk Yayasan Melaka”

<p>8.</p>	<p>I, one of the ALP Kawasan Jasin, do not agree with the proposed project because it will destroy the marine life and will affect the catch of the fishermen. We, from ALP Jasin who operate mussel farms at Kuala Sebatu will also be affected due to degradation of marine water quality which will consequently destroy the mussel seeds.</p> <p><i>Saya salah seorang ALP Kawasan Jasin tidak bersetuju dengan projek yang hendak dijalan kerana akan merosakkan sumber hidupan laut serta menjejaskan hasil tangkap nelayan. Kami dari ALP Jasin juga menjalan penternakan kupang di Kuala Sebatu turut akan terjejas dengan projek kupang kerana kualiti air juga terjejas menyebabkan benih kupang mati.</i></p>	<p>Norhasim bin Gamun Fisherman KM 23, Jalan Pengkalan Samak (5), 77300, Merlimau, Melaka</p>	<p>At present, the proposed project area is mussel farming area. The reclamation will also not obstruct existing navigational channels. The implementation of the project will have a direct negative impact to mussel farmers and fishing activities. Compensation will be provided to replace this loss.</p> <p>Based on the hydraulic modelling conducted, any sediment plume will, at worse, only go through 3km from the project site i.e. up to Anjung Batu. To ensure minimal impact to the marine water quality during project implementation, silt curtains will be installed appropriately to prevent any sediment from flowing out from the immediate vicinity of the project site.</p> <p><i>Pada masa ini, kawasan projek yang dicadangkan adalah kawasan penternakan kupang. Penambakan ini tidak akan menghalang laluan navigasi marin sedia ada. Pelaksanaan projek ini akan memberi impak negatif secara langsung kepada penternak kupang dan aktiviti perikanan. Untuk itu, pampasan akan diberikan untuk menggantikan kerugian ini.</i></p> <p><i>Berdasarkan pemodelan hidraulik yang dilakukan, serakan kelodak (sediment) pada situasi paling buruk hanya akan terserak sehingga 3km dari tapak projek iaitu sehingga Anjung Batu. Untuk memastikan kesan paling minimum terhadap kualiti air marin semasa pelaksanaan projek, tirai kelodak (silt curtain) akan dipasang dengan sewajarnya untuk mengelakkan sebarang kelodak (sediment) daripada mengalir keluar dari kawasan berhampiran tapak projek.</i></p>
<p>9.</p>	<p>Sunken ship at Umbai waters (<i>Kapal tenggelam di perairan Umbai</i>)</p>	<p>Mohd Sayun Fisherman KM 12, Kg. Bukit Pegoh, 75460, Pernu, Melaka</p>	<p>This issue is not related to the proposed reclamation. Nevertheless, further discussion and action will be taken promptly with the respective agencies.</p> <p><i>Isu ini tidak berkaitan dengan cadangan penambakan. Walaubagaimanapun, perbincangan dan tindakan selanjutnya akan dilaksanakan secepat mungkin dengan agensi yang berkaitan.</i></p>

APPENDIX XVI

Written Questions During The Public Dialogue For The EIA For The Proposed “Penambakan Kawasan Laut Seluas 400 Ekar Untuk Cadangan Pembangunan Bercampur-Campur, Kawasan Bandar XLVI, Daerah Melaka Tengah, Melaka Secara Penswastaan Untuk Yayasan Melaka”

10.	Control of marine waters (<i>Kawalan perairan</i>)		<p>The marine waters is under the control of the Marine Department. Any regulations / requirements imposed by the Marine Department will have to be abided by the project proponent and the contractor.</p> <p><i>Perairan laut berada di bawah kawalan Jabatan Laut. Apa-apa peraturan / keperluan yang dikenakan oleh Jabatan Laut mesti dipatuhi oleh penggerak projek dan kontraktor.</i></p>
11.	<p>Effect from the proposed reclamation will be experienced up to Kuala Sg. Rambai. What will be done by the local authority / related agencies to overcome fishermen’s income reduction? Fisherman’s living will also be destroyed. The fishermen’s livelihood will be depressed due to reduced income.</p> <p><i>Kesan dari tambakan ini akan dirasai hingga ke Kuala Sg. Rambai. Apakah tindakan pihak berkuasa / berkaitan untuk mengatasi kekurangan pendapatan nelayan. Sedangkan kita maklum hasil nelayan semakin kurang. Sara hidup nelayan pun akan dihapuskan. Hidup warga nelayan akan tertekan akibat pendapatan yang semakin berkurang.</i></p>	<p>Mohamed Joha bin Ab Hamid Fisherman / PNK Jasin Kg. Pulau Merlimau Melaka</p>	<p>Based on the hydraulic modelling conducted, the models projected that the hydraulics / hydrodynamics impact will only go as far as 3km from the project site i.e. up to Anjung Batu. Suitable compensation for the fishermen / affected parties will be finalised after discussion between the relevant agencies has been held.</p> <p><i>Berdasarkan pemodelan hidraulik yang dijalankan, model hidraulik memperlihatkan bahawa kesan hidraulik / hidrodinamik hanya akan pergi sejauh 3km dari tapak projek sehingga ke Anjung Batu. Pampasan yang setimpal untuk nelayan / pihak yang terkesan akan dimuktamadkan setelah perbincangan di antara agensi-agensi yang terlibat dilaksanakan.</i></p>
12.	<p>Why are the fishermen in Jasin have not received the same compensation as per the fishermen in Melaka Tengah?</p> <p><i>Kenapa kawasan Jasin belum dapat imbuhan seperti nelayan Melaka Tengah?</i></p>	<p>Hasnol bin Dol Bakkri Fisherman KM 13, Jalan Beteng Kg. Bkt. Tembakau, Umbai, 77300, Merlimau, Melaka.</p>	<p>So far, most of the reclamation projects in Melaka have been implemented at the northern fringes of Melaka City in the Melaka Tengah District. Compensation is provided to those directly affected by the proposed projects.</p> <p><i>Setakat ini, sebahagian besar projek penambakan di Melaka telah dilaksanakan di utara Bandaraya Melaka, di Daerah Melaka Tengah. Pampasan diberikan kepada mereka yang terjejas secara langsung oleh projek yang dicadangkan.</i></p>

APPENDIX XVI

Written Questions During The Public Dialogue For The EIA For The Proposed “Penambakan Kawasan Laut Seluas 400 Ekar Untuk Cadangan Pembangunan Bercampur-Campur, Kawasan Bandar XLVI, Daerah Melaka Tengah, Melaka Secara Penswastaan Untuk Yayasan Melaka”

13.	<p>Why <i>Jaring Pekap</i> is still widely used at fishermen’s catch area and islands in Melaka?</p> <p><i>Kenapa jaring pekap masih berleluasa di kawasan-kawasan nelayan menangkap ikan dan kawasan-kawasan pulau-pulau di Melaka?</i></p>		<p>This issue is not related to the proposed reclamation. Nevertheless, it will be conveyed to the Department of Fisheries for their onward actions.</p> <p><i>Isu ini tidak berkaitan dengan cadangan penambakan. Walaubagaimanapun, perkara ini akan dimaklumkan kepada Jabatan Perikanan untuk tindakan susulan.</i></p>
14.	<p>Who will be responsible in handling any issue which will rise during the project implementation?</p> <p><i>Siapakah yang akan menangani segala isu-isu yang berbangkit semasa berlakunya penambak laut?</i></p>		<p>Any issues arising during project implementation should be communicated directly to the State Government through the Fishermen's Associations.</p> <p><i>Sebarang isu yang timbul semasa pelaksanaan projek perlu dimaklumkan secara terus kepada Kerajaan Negeri melalui Persatuan Nelayan.</i></p>
15.	<p>Requesting the State Government to allocate 20 acres of land as fishermen’s additional economic area, hence benefit the fishermen in Melaka.</p> <p><i>Memohon Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah 20 ekar tanah tambahan kepada persatuan nelayan bagi mewujudkan satu kawasan ekonomi tambahan kepada persatuan dan manfaat kepada ahli nelayan di Melaka.</i></p>	<p align="center">Rapingedi Hj. Mohd Fisherman (Pengerusi PNK Jasin) 18 1/2, Jalan Laidin, Kg. Sebatu, Sg. Rambai, 77400 Melaka.</p>	<p>This application can be considered and needs further discussion between the State Government and the Fishermen's Associations.</p> <p><i>Permohonan ini boleh dipertimbangkan dan perlu perbincangan lanjut di antara pihak Kerajaan Negeri dengan Persatuan Nelayan.</i></p>
16.	<p>To create fish / shrimp breeding grounds as a replacement for the ecosystem loss due to development.</p> <p><i>Mewujudkan kawasan pembenihan ikan / udang bagi menggantikan ekosistem yang terjejas akibat dari pembangunan.</i></p>		<p>Fish Aggregating Devices, Habitat Enrichment Devices and Ecoengineering infrastructure have been recommended under the EIA to provide alternative habitat area for spawning and nursery areas.</p> <p><i>Peranti Agregasi Ikan, peralatan pengkayaan habitat marin dan infrastruktur eko-kejuruteraan telah dicadangkan di dalam EIA bagi menyediakan kawasan habitat alternatif untuk kawasan pemijahan dan tapak semaian.</i></p>

APPENDIX XVI

Written Questions During The Public Dialogue For The EIA For The Proposed “Penambakan Kawasan Laut Seluas 400 Ekar Untuk Cadangan Pembangunan Bercampur-Campur, Kawasan Bandar XLVI, Daerah Melaka Tengah, Melaka Secara Penswastaaan Untuk Yayasan Melaka”

17.	<p>The reclamation will give a very high negative impact to us financially. The marine life such as fish and other species will be destroyed.</p> <p><i>Penambakan laut ini memberi kesan yang amat tinggi kepada kami mencari rezeki di laut dan pendapatan kami akan terjejas semasa penambakan laut ini. Hidupan laut seperti ikan dan lain-lain spesies akan pupus sama sekali.</i></p>	<p align="center">Mohd Saleh bin Omar Fisherman KM 20, Jalan 2, Paya Goyamas, 77300, Merlimau Melaka</p>	<p>At present, the proposed project area is mussel farming area. The reclamation will not obstruct existing navigational channels. The implementation of the project will have a direct negative impact to mussel farmers and fishing activities. Compensation will be provided to replace this loss.</p> <p><i>Pada masa ini, kawasan projek yang dicadangkan adalah kawasan penternakan kupang. Penambakan ini tidak akan menghalang laluan navigasi marin sedia ada. Pelaksanaan projek ini akan memberi impak negatif secara langsung kepada penternak kupang dan aktiviti perikanan. Untuk itu, pampasan akan diberikan untuk menggantikan kerugian ini.</i></p>
18.	<p>Fish breeding area will also be destroyed and will cause prolonged effect.</p> <p><i>Tempat pembiakan ikan pun akan terjejas dengan teruk dan memberi kesan jangka panjang.</i></p>		<p>The compensation recipients will be finalized after a joint discussion is held between the Fishermen's Association, LKIM and the Fisheries Department.</p> <p><i>Penerima pampasan akan dimuktamadkan selepas perbincangan secara bersama diadakan di antara Persatuan Nelayan, LKIM dan Jabatan Perikanan.</i></p>
19.	<p>Will the unlicensed fishermen receive the compensation too? They are also contributing to the country's development.</p> <p><i>Bagaimanakah nelayan yang tidak berlesen adakah pampasan akan diberikan? Memandangkan nelayan tak berlesen juga memberi pendapatan kepada kemajuan negara.</i></p>	<p align="center">Norazlie bin Rahim Fisherman JA6791, Taman Anggerik, Sg. Rambai, 77400, Melaka.</p>	<p>The compensation recipients will be finalized after a joint discussion is held between the Fishermen's Association, LKIM and the Fisheries Department.</p> <p><i>Penerima pampasan akan dimuktamadkan selepas perbincangan secara bersama diadakan di antara Persatuan Nelayan, LKIM dan Jabatan Perikanan.</i></p>
20.	<p>Requesting for the appropriate compensation.</p> <p><i>Meminta pampasan yang setimpal.</i></p>		

APPENDIX XVI

Written Questions During The Public Dialogue For The EIA For The Proposed “Penambakan Kawasan Laut Seluas 400 Ekar Untuk Cadangan Pembangunan Bercampur-Campur, Kawasan Bandar XLVI, Daerah Melaka Tengah, Melaka Secara Penswastan Untuk Yayasan Melaka”

21.	How much compensation can I get, my job is only fisherman? <i>Berapa pampasan yang saya boleh dapat, pekerjaan saya hanya nelayan?</i>	Ahmad bin Mahmud Fisherman KM 14, Kg. Umbai, Melaka.	The compensation recipients will be finalized after a joint discussion is held between the Fishermen's Association, LKIM and the Fisheries Department. <i>Penerima pampasan akan dimuktamadkan selepas perbincangan secara bersama diadakan di antara Persatuan Nelayan, LKIM dan Jabatan Perikanan.</i>
22.	Requesting for the appropriate compensation. <i>Meminta pampasan yang setimpal.</i>	Abu Kassim bin Budin Fisherman Batu 20, Pekan Sg. Rambai, 77400, Melaka	The compensation recipients will be finalized after a joint discussion is held between the Fishermen's Association, LKIM and the Fisheries Department. <i>Penerima pampasan akan dimuktamadkan selepas perbincangan secara bersama diadakan di antara Persatuan Nelayan, LKIM dan Jabatan Perikanan.</i>